

1


Pengenalan

1.1 PENGENALAN KONKRIT

Konkrit merupakan bahan binaan yang paling popular dan sangat penting pada abad ini. Ini disebabkan konkrit mempunyai ciri-ciri yang memenuhi kriteria yang diperlukan bagi memastikan ia sesuai digunakan dalam keadaan mana sahaja. Teknologi konkrit telah mula berkembang dengan pesatnya di rantau ini. Kemunculan berbagai-bagai teknik pembinaan struktur konkrit yang lebih menjimatkan telah menarik lebih ramai pengusaha untuk menerokai bidang ini dengan lebih mendalam.

1.2 APA ITU KONKRIT?

- Adalah campuran Portland simen, air, agregat dan dalam sebahagian kes juga dimasukkan bahan tambah
- Simen dan air akan membentuk pekat yang mengeras dan mengikat agregat-agregat bersama
- Konkrit biasanya dilihat sebagai batu buatan manusia (*man made rock*)



- Konkrit merupakan bahan binaan yang *versatile*, dapat disesuaikan dengan variasi penggunaan dalam pertanian dan perumahan
- Konkrit mempunyai kekuatan, ketahananlasakan, keserbabolehan dan ekonomi
- Konkrit boleh diletakkan dan diacuankan ke dalam pelbagai bentuk dan menghasilkan pelbagai bentuk permukaan

1.2.1 Sifat-Sifat Konkrit

- Konkrit mengeras dan membeku dengan kehadiran air. Sifat ini penting dalam pembinaan, terutama pembinaan asas pada tempat yang basah